

PM syor tubuh badan zakat Asia Tenggara

UM-15/3/2006

Pengurusan zakat perlu mengambil kira prinsip-prinsip asas pengurusan korporat seperti keberkesanan, jujur, telus dan bertanggungjawab

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

KUALA LUMPUR 14 Mac -Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mencadangkan sebuah badan zakat peringkat rantau Asia Tenggara ditubuhkan supaya institusi zakat dapat memainkan peranan memartabatkan kecemerlangan ummah.

Beliau berkata, badan serantau itu boleh memperkenalkan mekanisme bagi menggarap sinergi zakat di kalangan negara-negara Asia Tenggara.

"Melalui wadah itu dapat dijalinkan permuafakatan yang mampu menangani isu-isu zakat kontemporari secara menyeluruh dengan mengambil kira sensitiviti negara-negara anggota," katanya semasa merasmikan Persidangan Zakat Asia Tenggara 2006, di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdullah Md. Zin.

Perdana Menteri berkata, perkembangan institusi zakat serantau perlu mengambil pendekatan global bagi memperkasa dan memantapkan pengurusan dana zakat.

Institusi-institusi zakat serantau berpotensi memainkan peranan lebih berkesan dalam mengangkat agama Islam, katanya.

Beliau turut mencadangkan satu sistem pemantauan diperkenalkan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan dan keyakinan pembayar zakat agar dana zakat dapat sampai terus kepada golongan sasaran.

"Satu mekanisme pemantauan zakat perlu diperkenalkan untuk memastikan pelaksanaan kutipan dan agihan dijalankan dengan cekap dan telus yang menepati syariat Islam.

"Satu kajian bagi meningkatkan sistem penyampaian zakat perlu dilaksanakan bagi memberi perkhidmatan berkesan serta memuaskan kehendak pelanggan dan pihak-pihak berkepentingan," katanya.

Signifikan

Menurutnya, ini kerana sistem penyampaian dalam pengurusan zakat juga tidak terlepas daripada kerehah birokrasi.

"Pengurusan zakat perlu mengambil kira prinsip-prinsip asas pengurusan korporat seperti keberkesanan, jujur, telus dan bertanggungjawab," katanya.

Beliau berkata, pengkorporatan pengurusan institusi zakat seperti diamalkan di sebahagian negeri di Malaysia boleh dijadikan ikutan kepada institusi zakat dalam negara dan serantau.

Katanya, institusi zakat turut memainkan peranan lebih signifikan terutama dalam melahirkan modal insan.


"Saya berharap persidangan ini akan dapat membincangkan dan mengupas isu-isu berkaitan zakat kontemporari demi pembangunan ummah serantau.

"Saya yakin tokoh-tokoh ilmuwan dan pengamal zakat pada persidangan ini mampu membincangkan bagaimana institusi zakat dapat memainkan peranan dengan lebih efektif," katanya.

Katanya, tuntutan menunaikan zakat bukan sahaja menjadi tanggungjawab agama, bahkan sosial yang memerlukan pengurusan cekap dan berkesan.

Beliau berkata, perkembangan institusi zakat masa kini amat memberangsangkan dengan kutipan zakat di Malaysia pada 2005 mencapai hampir RM500 juta.

Peningkatan ini antara lain menunjukkan kesedaran umat Islam dalam menyempurnakan ibadat zakat, selain peranan Majlis-Majlis Agama Islam Negeri dan institusi zakat melaksanakan pengurusan yang sistematik.



DELEGASI CHAD... Kejayaan Malaysia dalam pelbagai sektor berjaya menarik perhatian pelbagai pihak termasuk Republik Chad.

Semalam, Menteri Perancangan dan Ekonomi negara itu, Mahamad Ali Hassan melakukan kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur.

Rombongan beliau turut disertai oleh Menteri Petroleum negara berkenaan, Mahamat Nasir dan Kaunselor

Petroleum, Tidjani Thiam.

Kunjungan delegasi itu juga membawa bersama perutusan daripada Presiden Republik Chad, Idriss Deby kepada Abdullah.

● MAHAMAD Ali Hassan (tiga kiri) memperkatakan sesuatu kepada Abdullah Ahmad Badawi sambil diperhatikan oleh Mahamat Nasir (dua kiri) dan Tidjani Thiam di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, semalam.